

MAHATHIR-MALAS R'R'R'

1982

KUALA LUMPUR, 25 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA DUNIA BARAT AKAN TERUS KALAH DALAM BANYAK LAGI BIDANG DALAM PERSIANGANNYA DENGAN JEPUN DAN KOREA JIKA MEREKA TERUS BERSIKAP MALAS.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN TANDA-TANDA SUDAH PUN WUJUD BAGI MENUNJUKKAN ALIRAN INI.

DALAM SATU RENCANA YANG DISIARKAN OLEH AKHBAR 'MERDEKA' LIDAH RASMI UMNO KELUARAN TERBARU, BELIAU MENEGASKAN ETIKA KERJA, SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA SISTEM NILAI SESUATU BANGSA, MEMAINKAN PERANAN AMAT BERKESAN DALAM MENENTUKAN MAJU-MUNDURNYA BANGSA ITU.

SEBAGAI CONTOH, KATA BELIAU, BANGSA BARAT YANG DAHULUNYA RAJIN TETAPI SEKARANG MALAS, SUDAH PUN MENJADI MUNDUR DIBANDINGKAN DENGAN ORANG JEPUN DAN KOREA YANG TERKENAL KERANA NILAI TINGGI MEREKA KEPADA KERAJINAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGIMANAPUN MENGAKUI BAHAWA ETIKA KERJA SAJA TIDAK MENENTUKAN MAJU-MUNDURNYA SESUATU BANGSA TETAPI KESANNYA ADALAH KETARA DAN MUSTAJAB SEKALI+.

MENURUTNYA KESAN ETIKA KERJA MEMBOLEHKAN SESUATU BANGSA ITU MENGATASI KELEMAHAN-KELEMAHAN SEPERTI KURANG PENGETAHUAN, KURANG KEMUDAHAN DAN KURANG SUMBER ALAM.

--LAGI 1607/AN

MAHATHIR-MALAS 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

+ORANG-ORANG JEPUN UMPAMANYA SANGAT LEMAH DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI MODEN DAN PADA MULANYA MEREKA DICABAR OLEH BARAT. TETAPI KELEMAHAN INI SUDAH DAPAT DIATASI DALAM BEBERAPA BIDANG SEHINGGA MEREKA SEKARANG MENGEKSPORT TEKNOLOGI KEPADA BARAT+, KATA BELIAU.

MENGHURAIKAN KANDUNGAN ETIKA KERJA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELAIN KERAJINAN, KEJUJURAN DAN AMANAH, DISIPLIN, BERJIMAT-CERMAT DAN KECEKAPAN JUGA MERUPAKAN KOMPONEN TERPENTING.

KERAJINAN, KATANYA BOLEH DIANGGAP NILAI SEJAGAT YANG DITERIMA OLEH UMAT MANUSIA KEBELURUHANNYA. +TETAPI MENGHARGAINYA SAJA TIDAK BERMAKNA MENGAMALKANNYA+.

BELIAU BERKATA ORANG-ORANG MELAYU, UMPAMANYA, MEMANG MENILAI TINGGI KERAJINAN TETAPI TIDAK BEGITU BERMINAT UNTUK RAJIN BEKERJA ATAUPUN BELAJAR.

+BERMACAM-MACAM ALASAN DIBUAT UNTUK TIDAK BEKERJA ATAU BELAJAR DENGAN RAJIN, TERMASUK ANGGAPAN BAHAWA MEMINJAM NILAI BARAT IAITU KERAJINAN AKAN MENJADIKAN MEREKA HAMBAA ATAUPUN ROBOT.

+KONONNYA KALAU RAJIN, MANFAATNYA AKAN DIPEROLEHI OLEH MAJIKAN DAN MAJIKAN DIGAMBARAKAN SEBAGAI ORANG KAYA MENGHISAP DARAH PEKERJA+, KATANYA.

--LAGI 1622/AN

NNNN

MAHATHIR-MALAS 3 KUALA LUMPUR 'R' 'R' 'R

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN GAMBARAN SEUMPAMA INI MUNGKIN BENAR SUATU KETIKA DULU TETAPI TIDAK LAGI BENAR PADA ZAMAN INI YANG ORANG KAYA DIKENAKAN CUKAI YANG TINGGI, TERPAKSA TUNDUK KEPADA PERINTAH PIHAK YANG BERKUASA, TERPAKSA MENGIKTIRAF KESATUAN SEKERJA DAN TERPAKSA MENERIMA UNDANG-UNDANG PERATURAN.

MENGENAI SIFAT KEJUJURAN DAN AMANAH, BELIAU MENEGASKAN JIKA SESEBUAH BANGSA ITU TERKENAL KERANA JUJUR DAN AMANAH, SEMUA PINTU AKAN TERBUKA KEPADANYA.

MENGENAI DISIPLIN PULA, PERDANA MENTERI MENERANGKAN TIDAK ADA KERJA YANG TIDAK MEMERLUKAN DISIPLIN WALAUPUN KERJA ITU DILAKUKAN OLEH SEORANG PEKERJA.

BERDISIPLIN, MENURUTNYA, BERMAKNA BUKAN SAJA PATUH KEPADA ARAHAN KETUA TETAPI JUGA PATUH KEPADA KEPENTINGAN KERJA.

BELAIN ETIKA KERJA YANG BAIK, PERDANA MENTERI JUGA MENEKANKAN BETAPA PENTINGNYA SESUATU BANGSA DAN NEGARA ITU MEMPUNYAI MARUAH.

+TIDAK SESIAPA PUN MAHU DIRINYA DIHINA ATAU DITINDAS. TETAPI SEMENTARA SEMUA MAHU DIHORMATI ORANG, TIDAK SEMUA PULA YANG MENCAPAINYA. SEBABNYA IALAH MEREKA YANG TIDAK MENCAPAI KEJAYAAN TIDAK PERNAH MEMERIKSA DIRI SENDIRI,+ TEGASNYA.

-- LAGI 1650/AZ

MAHATHIR - MALAS 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU SEBALIKNYA ASYIK MENYALAHKAN ORANG LAIN WALAUPUN JELAS BAHAWA ETIKA KERJA MEREKA YANG TIDAK BAIK MENYEBABKAN MEREKA MUNDUR DAN DIHINA ORANG.

BELIAU MENEGASKAN MARUAH SETUATU KUMPULAN ITU BERADA DALAM TANGANNYA SENDIRI KERANA MEREKALAH YANG BOLEH MENENTUKAN ETIKA KERJA KUMPULAN MEREKA SENDIRI.

+MENYALAHKAN ORANG LAIN TIDAK BERGUNA KERANA BUKANLAH TANGGUNGJAWAB ORANG LAIN MEMELIHARA MARUAH KUMPULAN ABING,+ TAMBAYNYA. -- BERNAMA 1723/II